

Hak privasi data pengguna perlu dijaga - PM

Oleh MAISARAH SHEIKH RAHIM

maisarah.rahim@mediamulia.com.Tny

PUTRAJAYA: Negara-negara Asean digesa menggubal undang-undang berkaitan hak privasi data pengguna bagi menyekat ucapan berbentuk kebencian yang akhirnya mendorong kepada tindakan serangan dan keganasan.

Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin berkata, perbuatan tidak beretika di platform digital kini seolah-olah 'menghapuskan' hukuman bagi setiap ucapan dibuat pihak-pihak tertentu.

"Ini termasuklah ucapan secara lisan atau fizikal selain berbentuk ancaman terhadap seseorang berdasarkan bangsa, jantina, agama, orientasi seksual, kecacatan atau kewarganegaraan.

"Saya percaya ada bidang di bawah undang-undang yang perlu ditinjau untuk menampung keperluan teknologi dan cabaran baharu terutama dalam parameter keamanan di dunia maya," kata beliau.

Perbuatan tidak beretika di platform digital kini seolah-olah 'menghapuskan' hukuman bagi setiap ucapan dibuat pihak-pihak tertentu."

MUHYIDDIN YASSIN



Perdana Menteri berkata demikian ketika menyampaikan ucapan pertama di Mesyuarat Men-

teri-menteri Digital ASEAN Pertama (ADGMIN1) dan Mesyuarat-mesyuarat Berkaitan secara

persidangan video semalam.

Menurut beliau, menerusi undang-undang tersebut, platform digital perlu bertanggungjawab dan dikenakan tindakan jika membiarkan ucapan-ucapan tidak bertanggungjawab bersiaran.

"Teknologi berkembang pesat sekali gus mencetuskan ancaman siber baharu. Jadi sewajarnya semua negara ada undang-undang baharu bagi menyekat perbuatan tidak bertanggungjawab seterusnya menceroboh hak privasi data pengguna," kata beliau.

Dalam pada itu, Muhyiddin berkata, Asean juga boleh mempertimbangkan penubuhan sebuah dana bagi menambah baik infrastruktur digital dan Internet di negara-negara anggota.

"Sebuah platform dalam talian boleh diwujudkan untuk menghubungkan perniagaan kecil dan sederhana serta artisan di seluruh rantau ini bagi menjual barangan asli secara langsung kepada pengguna sekali gus memudahkan transaksi perniagaan," katanya.